

Surat khabar: Utusan Sarawak ( Berita Perdana )

Hari/Tarikh: 5/12/2013

Muka surat: 2

Tajuk : Dedahkan Pelajar UNIMAS Dengan Teknologi Terkini.

## Dedahkan pelajar UNIMAS dengan teknologi terkini

KOTA SAMARAHAN, Rabu — Pelajar Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menganjurkan program Minggu Kejuruteraan 2013 di Pentas Utama, Laluan Ilmu, Fakulti Kejuruteraan di sini, hari ini.

Program yang berlangsung selama empat iaitu dari 4 hingga 7 Disember tersebut merupakan salah satu program di bawah naungan Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM), UNIMAS.

Program tersebut turut dirancang dan dirangka dengan pelbagai aktiviti yang hebat dan menarik, selain mem-

berikan pendedahan kepada pelajar tentang teknologi masa kini yang bertemakan "Engineering Beyond Technology".

Antara aktiviti yang menjadi tarikan sepanjang Minggu Kejuruteraan 2013 kali ini adalah Honda Hybrid Car Autoshow, A day with IEM, Women Engineering Session, Forum Perdana, Pertandingan Futsal Piala Naib Canselor, Pameran dan Demot-rasi RC Flying serta program Semaian Bakti.

Majlis pelancaran program turut dimeriahkan dengan gimik khas sempena sambutan 20 tahun

Fakulti Kejuruteraan.

Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Penyelidikan) Fakulti Kejuruteraan, Dr Muhamad Faizal Hafiz Shamsi berkata, beliau berasa bangga dengan kejayaan pelajar kejuruteraan yang berjaya mengadakan program sedemikian.

"Ternyata pelajar kejuruteraan juga mempunyai bakat besar dalam pengurusan program."

"Teruskan aktiviti yang berskala besar ini kerana ia bukan sahaja membawa faedah yang besar kepada warga UNIMAS tetapi turut mendekatkan UNIMAS dengan masyarakat," katanya.